

23/10/2001

Malaysia dipilih anggota panel bincang keganasan

reports on "Dewan Rakyat" by Wan Hazmir Bakar; Ahmad Nadzim Jamalludin
KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia dipilih menganggotai jawatankuasa 10 negara
Komanwel bagi membincangkan isu keganasan pada forum antarabangsa bulan
depan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata jawatankuasa yang
dianggotai Australia, United Kingdom, Bahamas, Kanada, India, Afrika
Selatan, Sri Lanka, Tanzania dan Tonga akan mengadakan mesyuarat
pertamanya di London 19 November ini.

"Saya akan mewakili Malaysia bagi membincangkan soal keganasan dan
bagaimana mengatasinya," katanya di lobi Parlimen, hari ini.

Malaysia sebelum ini mencadangkan supaya persidangan antarabangsa bagi
membincangkan isu keganasan diadakan berikutan serangan pengganas terhadap
New York dan Washington, 11 September lalu.

Berikutan itu, Amerika Syarikat menyerang Afghanistan yang didakwa
melindungi Osama Bin Laden yang dikaitkan dengan serangan 11 September
itu.

Syed Hamid yang baru pulang dari sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia
Pasifik (Apec) berkata, pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir
Mohamad, mengenai perlunya persidangan antarabangsa dipersetujui banyak
negara.

Beliau berkata, negara lain termasuk China dan Russia, juga bersetuju
dengan Malaysia supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memainkan
peranan utama dalam menyelesaikan masalah keganasan.

Beliau berkata, negara terbabit juga sependapat dengan Malaysia bahawa
negara atau kumpulan negara tertentu tidak seharusnya menangani isu
keganasan secara sendirian tanpa memperdulikan pandangan dunia.

Mengenai pertemuan Dr Mahathir dengan Presiden Amerika, George W Bush
pada sidang Apec itu, Syed Hamid berkata, Bush menyuarakan pandangannya
bahawa walaupun pada masa tertentu Malaysia dan Amerika berbeza pendapat,
ia tidak sepatutnya merenggangkan hubungan kedua-dua negara.

Dalam perkembangan berkaitan, Syed Hamid berkata, Wisma Putra belum
menerima sebarang maklumat laporan seorang rakyat Malaysia antara
sekumpulan pejuang Taliban yang ditawan tentera Pakatan Utara di
Afghanistan.

(END)